

Universiti Apeks diumumkan Ogos

IPT tempatan terima status jadi penanda aras dunia pengajian tinggi negara

B.H 08/7/08 M/S 20

Oleh Nurhasyima Hasim
nurhasyima@bharian.com.my

“*Sehingga kini sembilan universiti negara ini memohon untuk dipilih sebagai Universiti Apeks termasuk tujuh universiti awam serta dua swasta*”

Mohamed Khaled Nordin
Menteri Pengajian Tinggi

Asean di sini, semalam.

Hadir sama Pengerusi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Tan Sri Rais Abdul Karim, Ketua Pegawai Eksekutif MQA, Datuk Dr Syed Ahmad Hussein dan Pengarah Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara dan Pusat Serantau untuk Pengajian Tinggi (Seameo-Rihed), Prof Dr



AZAHAN ROSLI | BERITA HARIAN

UMUM: Mohamed Khaled (kanan) dan Rais pada perasmian Mesyuarat Meja Bulat Asean mengenai pelajaran, semalam.

Supachai Yavaprabhas.

Universiti Apeks akan menjadi penanda aras peringkat dunia dalam bidang pengajian tinggi dan langkah memperkenalkan status itu di negara ini dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerusi Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang dilancarkan 27 Ogos 2007.

Dalam pelan strategik itu, Universiti Apeks dikenal pasti sebagai universiti tersohor yang menjadi penanda aras peringkat dunia dalam bidang pengajian tinggi dan ia di tangga teratas selepas Universiti Elit dan Universiti Kompetitif.

Terdahulu dalam ucapannya, Mohamed Khaled berkata melalui Seameo-

Rihed, Kementerian berharap agensi jaminan kualiti pengajian tinggi Asean dapat menubuhkan Rangkaian Jaminan Kualiti bersepadu dengan mencontohi Pertubuhan Jaminan Kualiti untuk Pengajian Tinggi Eropah (ENQA).

“Penubuhan rangkaian serantau penting sebagai inisiatif meningkatkan kualiti pada peringkat institusi pengajian tinggi meliputi tumpuan kepada matlamat berkongsi dan meningkatkan pembangunan kapasiti; amalan terbaik; pemindahan pelajar dan program serta kelayakan.

“Ia juga penting dalam usaha memastikan wujudnya interaksi dan pertukaran maklumat di kalangan institusi pengajian tinggi di antara negara Asean dapat ditingkatkan sekali gus memberi faedah kepada semua pihak,” katanya.